



<Penerangan Hak dan Kepentingan Utama Pemilik Polisi Insurans Hayat Nan Shan>

Pemilik Polisi yang dihormati:

Terima kasih atas sokongan dan penghargaan anda terhadap syarikat kami. Pemeliharaan hak dan kepentingan anda merupakan tanggungjawab kami. Peringatan intim berkenaan hak dan kepentingan berkaitan dengan polisi insurans adalah seperti berikut:

- ❖ Apabila anda menerima slip pembayaran atau resit, sila semak sama ada amaun premium insurans adalah betul.
- ❖ Sila simpan polisi insurans, cop tandatangan, buku simpanan, kad debit, nombor akaun dan kata laluan anda dengan selamat (Contohnya: kata laluan seperti akaun insurans laman web/laman pemilik insurans).
- ❖ Sila sahkan kandungan dokumen kontrak adalah betul dan selepas itu tandatanganikan sendiri. **JANGAN tandatangani dokumen kontrak insurans yang kosong terlebih dahulu.**
- ❖ Maklumat hubungan anda (Contohnya: e-mel/alamat/telefon/nombor telefon bimbit) adalah saluran penting untuk syarikat kami menghubungi anda. Sekiranya terdapat perubahan maklumat hubungan pada masa hadapan, sila hubungi syarikat kami secara bertulis atau dengan kaedah lain yang dipersetujui.
- ❖ Sila bayar premium kepada akaun Insurans Hayat Nan Shan seperti yang disenaraikan dalam notis premium insurans syarikat kami. **JANGAN buat kiriman wang/ pemindahan/ pindahan ke akaun orang lain.**

Berikut adalah peruntukan berkaitan pembayaran premium insurans syarikat kami, sila juga berikan perhatian:

- ❖ Syarikat kami akan menghantar notis pembaharuan ansuran premium insurans. **Kami TIDAK akan meminta anda membayar premium insurans yang belum tamat tempoh terlebih dahulu.**
- ❖ Sekiranya premium insurans dibayar melalui CEK, ejen akan **memberikan slip pembayaran atau resit kepada anda pada masa yang sama**. Jika pemilik insurans membayar premium ansuran PERTAMA atau pembaharuan ansuran/pembaharuan insurans melalui kad kredit, pindahan automatik bank

atau kiriman wang/pindahan sendiri, syarikat kami akan menghantar slip pembayaran atau resit kepada anda.

- ❖ Bagi insurans yang diterima dan dibayar dalam mata wang asing, bayaran yang berkaitannya tidak dapat diterima dan dibayar dalam wang NTD, dan **syarikat kami tidak memberi kuasa kepada ejen untuk mengutip premium insurans dalam mata wang asing**. Penyelesaian dan pertukaran seharusnya dikendalikan oleh Pemilik Polisi atau benefisiari menerusi industri perbankan mengikut peraturan dalam penerimaan dan pembayaran pertukaran asing atau kaedah pelaporan transaksi. Jika produk mata wang asing diinsuranskan, sekiranya terdapat keadaan di mana premium insurans perlu dipulangkan, syarikat kami akan memasukkan wang ke akaun deposit pertukaran asing melalui kiriman wang institusi kewangan.

Sekiranya terdapat soalan terhadap peringatan yang disebut di atas atau sebarang pertanyaan yang lain, sila hubungi talian percuma pusat perkhidmatan pelanggan syarikat kami : 0800-020-060, atau talian khusus untuk pertanyaan dari luar negara (panggilan bayar):+886-2-8752-2111, kami akan melayani anda dengan sepenuh hati.